



PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	20/11/2011

Bicara kes Bush, Blair bermula

Tribunal Jenayah Perang berjalan ikut jadual tanpa kehadiran dua tertuduh

Oleh Syed Azwan Syed Ali
syedazwan@bharian.com.my

KUALA LUMPUR: Tribunal Jenayah Perang Kuala Lumpur berjalan mengikut jadual, semalam, bagi membicarakan bekas Presiden Amerika Syarikat (AS), George W Bush dan bekas Perdana Menteri Britain, Tony Blair atas tuduhan melakukan jenayah perang ke atas Afghanistan dan Iraq, walaupun kedua-dua bekas ketua negara itu tidak menghadiri diri.

Tribunal lima anggota yang diketuai bekas Hakim Mahkamah Persekutuan, Datuk Abdul Kadir Sulaiman, memutuskan perbicaraan diteruskan tanpa kehadiran Bush dan Blair selepas semua prosedur undang-undang berkaitan dipatuhi.

Tribunal pada asalnya mempunyai tujuh anggota, namun dua daripada mereka iaitu pakar undang-undang perlembagaan, pentadbiran dan antarabangsa dari India, Prof Niloufer Bhagwat dan bekas Hakim Mahkamah Persekutuan, Datuk Zakaria Yatim, masing-masing mengundurkan diri pada saat-saat akhir kerana bantahan awal pihak pembelaan dan faktor kesihatan.

Tribunal dimaklumkan



KEADAAN dalam kamar ketika perbicaraan Bush dan Blair berlangsung pada Tribunal Jenayah Perang di Kuala Lumpur, semalam.

kedua-dua tertuduh sudah dimaklumkan menerusi kertas tuduhan yang dihantar kepada Kedutaan AS dan Pejabat Suruhanjaya Tinggi Britain di Kuala Lumpur selaras dengan Artikel 6 (b) Piagam Suruhanjaya Jenayah Perang Kuala Lumpur (KLWCC) yang membolehkan perbicaraan diteruskan tanpa kehadiran tertuduh

selain turut dimaklumkan menerusi emel.

Tribunal yang mendapat liputan media antarabangsa termasuk *REUTERS*, *MEHR News*, *IRIB*, *Press TV Iran*, *TV Arab Ab-Rafidian* dan *IRNA* (Agensi Berita Iran) dan media tempatan, dimaklumkan pasukan pendakwaan diketuai pesyarah undang-undang, Prof

Gurdial S Nijar, bahawa berita mengenai perbicaraan disiarkan dalam akhbar *The Washington Post* (AS) dan *Daily Telegraph* (Britain) pada 15 November lalu.

Gurdial yang dibantu pesyarah undang-undang antarabangsa dari AS, Prof Francis Boyle dan peguam Avtaran Singh memohon kepada tribunal untuk membicara-

kan tuduhan pertama ke atas Bush dan Blair yang dituduh melakukan 'jenayah terhadap keamanan' kerana bertanggungjawab merancang, menyerang dan menakluk negara berdaulat Iraq pada 19 Mac 2003 yang menyalahi undang-undang antarabangsa serta mencabuli piagam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).